

28 SEP 1998

Sanusi-Ekonomi

SANUSI: TAK PATUT GUNAKAN ISU ANWAR UNTUK TEKAN EKONOMI MALAYSIA

ALOR SETAR, 28 Sept (Bernama) -- Negara asing tidak patut menggunakan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai alasan untuk menekan ekonomi Malaysia, kata Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid.

"Mereka bukannya hendak membela Anwar tetapi mereka benci kepada Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad.

"Semasa Anwar dalam kerajaan pun, Barat tidak suka pada Dr Mahathir dan kini mereka akan menggunakan isu Anwar untuk menekan Dr Mahathir dan ekonomi negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan UMNO negeri di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan negara asing menggunakan isu itu bagi mengenakan sekatan ekonomi ke atas Malaysia.

"Kalau mereka tidak pandang berat soal moral membabitkan Presiden mereka, jangan harap kita akan pandang ringan soal moral membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri kita," katanya.

Sanusi juga menyelar tindakan beberapa orang pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menghasut enam pelajarnya supaya mengedarkan risalah parti pembangkang semasa pilihan raya kecil Parlimen Arau tidak lama dahulu sehingga menyebabkan pelajar itu digantung pengajian mereka antara satu dan dua semester.

Katanya, beliau dimaklumkan mengenai penglibatan pensyarah-pensyarah itu oleh seorang pelajar semasa berdialog dengan mereka di UUM malam tadi.

Menteri Besar juga berkata orang ramai boleh menulis surat kepadanya untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu Anwar.

"Saya akan menjawab seberapa boleh setiap kemusykilan yang dikemukakan. Kalau soalan yang sama, saya akan fotostatkan jawapannya," katanya.

Beliau berkata langkah itu bertujuan untuk membolehkan segala kemusykilan mengenai isu itu diperjelaskan secara komunikasi terus.

-- BERNAMA

JM oba